

UMS anjur Hari Kesedaran Lupus SLE

Sabtu ini

DE 18.9.2014 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Hospital Queen Elizabeth dan Persatuan SLE Malaysia Sabah Chapter (PSLEM) akan menganjurkan Hari Kesedaran Lupus 2014, Sabtu ini.

Acara yang bertemakan 'Walk-a-Payung' itu akan berlangsung di Dewan Canselor, UMS bermula jam 7 pagi hingga 4 petang dengan acara berjalan kaki sejauh 1.5 km menggunakan payung, pameran dan ceramah SLE, pemeriksaan kesihatan dan derma darah.

"Dijangka 4,000 peserta akan mengambil bahagian dalam acara ini dan orang ramai yang berminat boleh menghubungi PSLEM di talian 0128133338 atau 0128133018," menurut kenyataan yang dikeluarkan Bahagian Media Jabatan Canselori UMS di sini, Rabu.

PSLEM ditubuhkan pada 1994 atas usaha golongan doktor dan pesakit SLE bagi membantu orang ramai yang menghidap SLE.

PSLEM terus melebarkan organisasinya ke Sandakan yang ditubuhkan pada 2004 diikuti Pulau Pinang, Johor dan Kuching. Kini ia mempunyai kira-kira 2,200 anggota.

Dianggarkan lebih 10,000 rakyat Malaysia telah disahkan menghidap SLE sejak 30 tahun lalu, dengan 90 peratus daripada mereka adalah wanita dan 10 peratus lagi lelaki dan kanak-kanak.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Dr. Malehah Mohd Noh, SLE atau biasa disebut sebagai Lupus merupakan salah satu gangguan sistem yang melawan bahagian-bahagian tubuh yang sepatutnya dilindunginya.

"Terdapat dua jenis Lupus, iaitu SLE yang boleh menjejaskan mana-mana organ di dalam tubuh dan Discoid Lupus Eritematosus (DLE) yang hanya memberi kesan kepada kulit," katanya.

Beliau berkata SLE boleh melibatkan banyak bahagian tubuh seperti sendi, kulit, buah pinggang, paru-paru, saluran darah dan otak.

Setakat ini, katanya, belum terdapat ujian khusus untuk mendiagnosis Lupus walaupun tidak mustahil untuk mempunyai tanda-tanda kecil Lupus selama bertahun-tahun, sebelum seseorang pesakit disahkan menghidap penyakit itu. — Bernama